

SYURGA DAN NERAKA

Tiap-tiap manusia dari Nabi Adam dan tiap-tiap jin tidak boleh tidak mereka mesti menempati salah satu dari syurga atau neraka.

Syurga dan Neraka ialah benar dan telah ditetapkan oleh al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak ummat Islam. Oleh kerana itu beriman akan Dia adalah wajib dan mengiktikadkannya adalah hak. Yang dimaksudkan dengan syurga, ialah: “Dār al-Thawwāb” (negara pahala), dan yang dimaksudkan dengan neraka ialah “Dār al-‘Iqāb (negara seksa).

Syurga dan neraka itu ialah tempat kembalinya makhluk, baik dari manusia atau jin, dan mereka tidak terlepas dari salah satu dua tempat itu, iaitu ada kala ke syurga dan ada kala ke neraka. Ahl al-A’rāf (tempat yang terletak antara syurga dan neraka – P.) Maka mereka akan kembali ke syurga juga.

Neraka atau tempat kehinaan dan kebinasaan itu, ialah tempat bagi tiap-tiap orang dari manusia dan jin yang derhaka.

Mereka yang dihukum kafir oleh syara’, baik kafir asli dari ahli syirik (syirik), penyembah berhala, penyembah bintang dan api, ahli syariah yang telah dimansuhkan, seperti ahli Taurat dan Injil mereka ini semuanya tetap selama-lamanya di dalam neraka Jahannam. Tetapi mereka yang termasuk hamba yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, walaupun mereka melakukan maksiat kepada Allah, sekalipun dosa besar seperti membunuh, makan riba’, dan matinya dalam keadaan beriman,

sedang ia tidak bertaubat, mereka ini, tidak dihukum sebagai kafir dan mereka ini tidak kekal dalam neraka. Kalau mereka dimasukkan ke dalam neraka, maka itu hanya untuk membersihkan dosa-dosa mereka. Mereka akan keluar dari neraka, adakalanya dengan syafaat pemberi-beri syafaat, dan ada kalanya dengan rahmat Allah yang Amat Mengasihani.

Neraka itu tujuh tingkatannya: (1) Jahannam, (2) Laza, (3) Huṭamah, (4) Sa’īr, (5) Saqar, (6) Jahīm, (7) Hāwiyah.

Nama-nama syurga itu pula amat banyak, iaitu mengingat sifatnya sedang hakikatnya satu. Nama-nama itu bersatu dari segi hakikat dan berlainan dari segi sifat, sebagaimana nama Allah *subḥānahu wa Ta’ālā*, nama kitab-kitabnya, nama Rasul-Nya, nama akhirat dan nama neraka. Adapun nama yang amat ialah jannah (syurga), nama yang melengkapinya.

Menurut setengah-setengah ulama: Syurga itu tujuh. Yang amat utama ialah jannah “al-Firdaus”, jannah al-Ma’wa jannah al-Khuldi, jannah al-Na’īm, jannah ‘Adnin, Dār al-Salām dan Dār al-Jalāl. Ini ialah pendapat Ibn ‘Abbās.

Setengah ulama-ulama pula berkata: Syurga itu ialah empat sahaja, kerana mengingat akan firman Allah: “*wa liman khāfa maqāma rabbihi jannatān wa min dūnihima jannatān*”.

Setengahnya yang lain pula mengatakan satu sahaja, segala nama-nama yang tersebut ialah untuk yang satu itulah.

Setengah daripada nama-nama syurga itu ialah: “jannah al-Na’īm”. Tersebut dalam kitab ((*Hādī al-Arwāh*)), bahawa nama jannah al-Na’īm itu ialah juga nama yang meliputi bagi semua syurga.

Jannah al-Na’īm (syurga yang penuh nikmat) itu diuntukkan bagi mereka yang banyak berbuat kebajikan (al-abrār). Setengah ulama berkata: Makna *al-bir* dalam firman Allah: ((*lan tanālu al-bir*)) – “*bir*” (kebajikan) itu ialah syurga.

Wajib dijazamkan dengan penuh keyakinan dengan membenarkan dan mengakui kebenaran itu bahawa neraka itu dan apa-apa yang di dalamnya, telah sekarang ini, sebagaimana adanya syurga dan apa-apa yang ada di dalamnya. Adanya neraka sekarang ini ialah seperti adanya syurga. Jadi keduanya, syurga dan neraka itu ada, sekarang dan sebelum sekarang.

Ibn Qayyīm, dalam kitabnya *Hādī al-Arwāh*, berkata: Senantiasalah sahabat-sahabat Rasulullah (SAW), tabiin, tabi’ al-tabiin, semua ahli sunnah dan hadith, fukaha Islam, ahli tasawuf dan zuhud mengiktikadkan seperti itu, dan mengisbatkan dengan bersekadarkan kepada nas-nas al-Quran dan al-Sunnah dan apa yang diketahuinya penjelasan yang disampaikan oleh rasul-rasul semenjak dari nabi yang awal pertama yang akhir sekali (iaitu Muḥammad ibn ‘AbduLlah *ṣallā Allah ‘alayhi wa sallam*). Rasul-rasul itu menyeru ummat manusia dan memberi khabar tentang kebenaran itu, sehingga timbul ketua-ketua Qadariah dan Mu’tazilah.

Ketua-ketua puak Qadariah dan Mu’tazilah ini mengingkari telah adanya syurga dan neraka sekarang ini yang telah

dijadikannya. Mereka mengatakan bahawa Allah akan menjadikan neraka pada hari akhirat.

Setelah itu wajib dijazamkan pula bahawa neraka itu tidak lenyap (tidak fanā’) dan tidak fanā’ pula api yang di dalamnya, seperti syurga dan apa-apa yang ada di dalamnya.

Di dalam kitabnya” *Hādī al-Arwāh*”, Ibn Qayyim berkata: Adapun tentang kekalnya syurga adalah dari soal yang mudah diketahui, kerana Rasulullah (S.A.W) telah khabarkan demikian.

Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah telah ijmak bahawa azab terhadap orang kafir itu tidak putus-putus (habis-habis), sebagaimana nikmat itu tidak habis-habisnya terhadap ahli syurga. Dalilnya ialah: al-Quran dan al-Sunnah.

Tentang kekal tidaknya neraka dan syurga ada tujuh pendapat:

1. Pendapat Khawarij dan Mu’tazilah, bahawa orang yang masuk neraka itu tidak keluar selama-lamanya dari neraka itu, bahkan tiap-tiap yang masuk ke dalamnya kekal di dalamnya sepanjang masa.

2. Pendapat orang yang mengatakan, bahawa ahli neraka itu diazab dalam suatu masa kemudian ditukar dan kecallah mereka itu bertabiat api yang bersedap-sedap dengan api. Pendapat ini ialah pendapat Ibn ‘Arabi al-Ṭā’ī.

3. Pendapat yang mengatakan bahawa ahli neraka itu diazab di dalamnya hingga waktu yang tertentu, kemudian mereka dikeluarkan dari neraka dan digantikan mereka oleh kaum yang lain dalam neraka itu. Pendapat ini pernah dikeluarkan oleh Yahudi kepada Nabi (S.A.W), lalu baginda membantahnya.

4. Pendapat yang mengatakan bahawa ahli neraka itu

dikeluarkan dari neraka dan kekalah api dengan halnya dengan tidak ada seorang pun yang diazab di dalamnya. Ibn Taimiyah berkata: Ini ialah sebahagian dari pendapat segolongan orang.

5. Pendapat yang mengatakan bahawa neraka itu fana' dengan sendirinya, kerana ia adalah baharu.

6. Pendapat yang mengatakan bahawa kehidupan dan gerak mereka dalam neraka itu fana', lalu mereka menjadi benda yang beku, tidak bergerak-gerak, dan tidak merasa kepedihan. Ini ialah pendapat Abi al-Huzail al-'Allāf, salah seorang ketua kaum Mu'tazilah.

7. Pendapat yang mengatakan bahawa: Allah itu memfanakan neraka, kerana Allah-lah Tuhannya, Penciptanya dan Pemeliharanya.

Dan Allah menjadikan bagi neraka itu hinggaaan yang Dia berakhir pada had yang telah ditentukan itu, kemudian fana' dan hilanglah azab neraka itu. Kata Ibn Taimiyah : Pendapat ini, dinaqalkan dari segolongan sahabat dan tābi'īn. Ibn Taimiyah dan muridnya Ibn Qayyim, cenderung kepada pendapat ini.

Syurga itu letaknya di atas langit yang ke tujuh yang anaknya ialah 'arash al-Rahman, dan neraka itu di bumi yang ketujuh.

Setengah orang berkata: Neraka itu di atas langit juga sebagaimana halnya syurga. Ini berdasarkan hadith Khuzaifah dari Nabi (S.A.W), bahawa Baginda bersabda, maksudnya: "Didatangi aku beserta burāq, maka sentiasalah kami atas belakangnya, aku dan Jibril, sehingga aku sampai ke Bayt al-Maqdis lalu dibuka pintu langit, maka aku pun melihat syurga dan neraka".

Walhasil, setengah ulama mengatakan bahawa, syurga dan neraka itu letaknya pada satu dataran.

(sambungan dari muka 15)

dan tanah air bagi seseorang Muslim.

Demikianlah Islam telah menyesuaikan di antara perasaan kebangsaan yang terhad dengan perasaan kebangsaan yang am dan yang luas, iaitu untuk kebajikan peri kemanusiaan seluruhnya, sebagaimana firman-Nya (ertinya):

“Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Kami menjadikan kamu berasal dari lelaki dan perempuan, dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa supaya berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang yang terlebih mulia di antara kami pada sisi Allah ialah orang yang terlebih taqwa (taat menurut perintah-Nya dan menjauhan larangan-Nya)”. 13, surah al-Hujurat.

Kitab-kita Mengenai Sembahyang

- | | |
|--|--------|
| 1. Ibadah Rasulullah S.A.W | \$3.00 |
| tambah belanja post 20 sen. | |
| 2. Pelajaran Sembahyang (Allahu Akbar) | \$1.20 |
| 3. Pelajaran Sembahyang (Allahu Akbar) | |
| Mengenai: Imam, Ma'mum, Masbuq | |
| dan lain-lainnya. | |
| 4. Mari Sembahyang (buat lelaki) | \$1.20 |
| 5. “ “ (buat perempuan) | \$1.20 |

Dari 2, 3, 4 dan 5 pesanan hendaklah tambah belanja post 10 sen tiap-tiap naskah.

Inilah di antara buku-buku pelajaran agama yang mudah sekali dipelajari. Pesan kepada:

QALAM
356/8, Geylang Road,
Singapore 14.